



**JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SABAH**  
Sektor Khidmat Pengurusan & Pembangunan  
Unit Latihan dan Kemajuan Staf, Aras 9,  
Wisma Jabatan Pendidikan Negeri Sabah  
Jalan Punat Tanah, 88450 Likas  
KOTA KINABALU, SABAH



Tel : 088-537010  
Fax : 088-310722  
Laman Web: www.moe.gov.my/jpnsabah  
E-mel : skpp.sabah@moe.gov.my

Ruj. Kami : JP(SB)/900(02)/100/07/01 Jld.17 (47)  
Tarikh : 17 September 2015

**SEPERTI SENARAI EDARAN**

Melalui :  
Pengetua / Guru Besar

Tuan / Puan,

**PROGRAM TRANSFORMASI MINDA (PTM) KUMPULAN 1 (PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN) SIRI 8 TAHUN 2015**

Dengan segala hormatnya perkara tersebut di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa tuan adalah diwajibkan hadir untuk mengikuti Program Transformasi Minda (PTM) Siri 8 Tahun 2015 yang akan diadakan pada ketetapan seperti berikut:

**Tarikh : 27 September - 1 Oktober 2015**  
**Tempat : Institut Pendidikan Guru Kampus Kent, Tuaran (Kampus lama)**  
**Pendaftaran : 27 September 2015 (Jam 12.00 - 2.00 petang sahaja)**  
**(Taklimat Kursus pada jam 2.00 petang adalah wajib)**

3. PTM yang menggantikan Kursus Induksi Sistem Saran Malaysia (KISSM) dilaksanakan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 14 Tahun 2012 merupakan salah satu syarat wajib pengesahan dalam perkhidmatan.

4. Penginapan dan sajian sepanjang kursus akan disediakan oleh jabatan. Tuan diwajibkan menginap di tempat penginapan yang disediakan oleh pihak penganjur. Tuan layak menuntut tambang perjalanan daripada Jabatan Pendidikan Negeri Sabah mengikut kelayakan berdasarkan pekelling yang sedang berkuatkuasa. **Peserta yang mengandungi 7 bulan ke atas tidak dibenarkan menghadiri kursus ini kecuali mendapat dan mengemukakan surat kebenaran daripada pegawai perubatan yang diiktirafkan.** Sila rujuk jadual kursus (**Lampiran A**) dan senarai keperluan kursus (**Lampiran B**).

5. Sila sahkan kehadiran dengan menggunakan borang seperti di **Lampiran C** dan mengembalikannya pada atau sebelum **22 September 2015** melalui faks **088-310722** atau email **ulkssbh@gmail.com** dan sekiranya pihak kami tidak mendapat maklumbalas daripada pihak tuan, maka nama tuan akan digugurkan untuk menyertai program tersebut. Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Pn. Zunaidah Binti Tahir (**088-537010**) atau En. Darriyanto Bin Muhamad Perhan (**011-10541812**).

Sekian dan terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

**DATUK JAME ALIP**  
Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Negeri Sabah